

**Kementerian Pengajian Tinggi Kaji Sejauh Mana Malaysia Beri Kepimpinan Di Negara Islam
Bernama
27 September , 2011**

KUALA PILAH, 27 Sept (Bernama) -- Kementerian Pengajian Tinggi sedang mengkaji sejauh mana negara ini memberi kepimpinan di negara-negara Islam melalui sektor pengajian tinggi.

Menterinya Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata kalau negara ini ingin berbuat demikian, apakah pelan dan strateji yang perlu dibuat.

"Kita tahu di negara kita banyak universiti yang menawarkan program pengajian Islam seperti di UIA, USIM dan sebagainya.

"Di sini kita hendak supaya dapat ditentukan dan diselaraskan untuk kita promosi dan menarik pelajar dari negara Islam lain supaya mengikuti pengajian Islam di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis penyerahan rasmi sijil pelawaan penubuhan Kolej Universiti As-Sofa (KUASA) di Istana Besar Seri Menanti di sini Selasa.

Majlis itu dilakukan antara Mohamed Khalid dan pengerusi Gerbang As-Sofa Sdn Bhd (syarikat ditubuhkan Yayasan Sofa untuk menguruskan KUASA), Syeikh Muhammad Fuad Kamaludin Al Maliki.

Majlis itu disaksikan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, yang juga penaung Yayasan Sofa.

Turut hadir Menteri Besar Datuk Seri Mohamad Hasan.

Mohamed Khaled berkata ini adalah satu daripada pendekatan yang diambil supaya negara ini menyediakan kepimpinan di kalangan negara Islam melalui sektor pengajian tinggi.

"Kita berpendapat kita boleh memainkan peranan pemimpin melalui sektor pengajian tinggi.

"Kita boleh lakukan sebab kita kedepan sekarang ini dalam sektor pengajian tinggi dan dalam hal ini semua negara Islam melihat kepada Malaysia kerana kita menjamin kualiti dalam pengajian tinggi.

"Sekarang ini kita mempunyai 90,000 pelajar luar negara dan sebahagian besarnya dari Timur Tengah yang mengikuti pengajian Islam di universiti tempatan," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata kerajaan negeri mengalu-alukan usaha untuk menubuhkan sebuah institusi pengajian tinggi di Negeri Sembilan.

Menyentuh rancangan penubuhan KUASA, Mohamad berkata: "Kampus tetap KUASA sudah dikenalpasti di kawasan seluas 84 hektar di Bukit Putus".

"Walau bagaimanapun, kita masih lagi mengkaji kesesuaiannya," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616162>